



[Home](#) / [2025](#) / [November](#) /

UiTM Perak Perkukuh Jalinan Komuniti dan Kepimpinan Mahasiswa Melalui Program Bakti Siswa MADANI di Gerik

SINERGI

17/11/2025 / MOHD SHAHRIL ABD RASHID



The poster for the Bakti Siswa MADANI event features a collage of photos on the left showing students and community members. The main text reads: **Bakti Siswa MADANI** 17 - 19 OKTOBER 2025 @ KAMPUNG BONGOR, GERIK. It lists activities such as Program Anak Angkat, Gotong-Royong, Ceramah Agama, and Pemeriksaan Kesihatan. Logos for Malaysia Madani, 2030 Perak Sejahtera, WAKUP, STOP, and UiTM are visible at the top.

GERIK, 6 November 2025 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak terus komited memperkukuh agenda pembangunan mahasiswa dan jaringan komuniti melalui penganjuran **Bakti Siswa MADANI**, sebahagian daripada projek khas **Bakti MADANI Mega UiTM 2025** yang berlangsung dengan jayanya di Kampung Bongor, Gerik, Perak pada **19 Oktober 2025**. Program ini merupakan hasil kolaborasi strategik bersama **Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Bongor**, menzahirkan usaha universiti dalam mendekatkan mahasiswa dengan masyarakat setempat.

Seramai **80 pelajar** dari Kampus Seri Iskandar dan Tapah telah menyertai program ini, termasuk **30 mahasiswa yang dijadikan anak angkat** kepada keluarga komuniti Kampung Bongor. Inisiatif ini membuktikan peranan UiTM bukan sahaja melahirkan graduan cemerlang akademik, tetapi juga

individu yang berjiwa sukarelawan dan berintegriti.





Program Bakti Siswa MADANI selaras dengan pelan tindakan **Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)** dalam memperkukuh nilai MADANI dalam kalangan mahasiswa. Antara aktiviti utama ialah gotong-royong pengindahan Dewan Orang Ramai dan Tabika Kemas, pemeriksaan kesihatan, perkhidmatan gunting rambut percuma, slot *Misi Akademik dan Motivasi Desa*, *Ziarah Kasih UiTM Di*

Hatiku, program 3 Kampung 1 Jiwa, wayang pacak serta riadah jejak ‘awan nano’ bersama komuniti.

Majlis penutup disempurnakan oleh **YB Dato’ Salbiah Mohamed**, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak, yang menzahirkan penghargaan kepada UiTM atas komitmen mendidik mahasiswa melalui aktiviti kemasyarakatan. Turut hadir ialah **Profesor Dr. Mohd Sazili Shahibi**, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UiTM, **Profesor Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim**, yang menjalankan fungsi Rektor UiTM Perak, serta **Encik Ghazali Salleh**, Pengerusi JPKK Kampung Bongor.

Sambutan hangat dan semangat kerjasama penduduk kampung sepanjang program mencerminkan kejayaan inisiatif ini dalam memperkukuh hubungan universiti-komuniti, selaras dengan aspirasi UiTM Prihatin dan Malaysia MADANI.



Tags: [Bakti MADANI Mega UiTM 2025](#),
[Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung \(JPKK\) Kampung Bongor](#),
[UiTM Cawangan Perak](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

[Dinamika Kembara IPROLEADS
2025 Perkukuh Kepimpinan Global
Mahasiswa UiTM Cawangan Perak](#)

[UiTM Cawangan Pulau Pinang
Jayakan Kempen Kesedaran Awam
Ramalan & Amaran Banjir](#)

QUICK
LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)

HUBUNGI
KAMI

[Universiti Teknologi MARA
\(UiTM\)](#)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +603-5544 2051 / 2000



WiFi UiTM

E-Complaint

Copyright © 2026 UiTM NewsHub | Theme by: Theme Horse | Proudly Powered by: WordPress